




CEKIK

Ridhwan Saidi

Download now

Read Online ➔

CEKIK

Ridhwan Saidi

CEKIK Ridhwan Saidi

Sinopsis : **Cekik**

Tahun 2020, di Bandar. *Warith*, pemuda berusia 16 tahun, menerima berita pembunuhan bapanya di Kampung melalui telefon. Imbas kembali *Warith* sewaktu kecil menonton video porno milik bapanya.

Warith kini bersekedudukan dengan teman wanitanya *Suria*, yang berusia 32 tahun. Dari jendela apartment mereka, Menara Warisan Merdeka kelihatan agam.

Warith pulang ke Kampung dengan *Suria*. Di kawasan perkuburan, mereka didatangi *Detektif Anthony*, yang pernah mengenali *Suria* sewaktu sama-sama gila-gila remaja. Mereka kemudian ke tempat pembunuhan, di mana beberapa rahsia lain akan terbongkar.

CEKIK ialah hidangan pascamoden yang memeranjatkan. Ia mengajak kita merasai apa itu nafsu, apa itu kota, apa itu mi Maggi, McDonalds, khutbah, tudung dan juga liwat.

Warith is a 16 year-old boy living in the city with his 32 year-old girlfriend. He gets a call informing him that his father had been sodomized and strangled to death back in the village. Warith has a flashback to his childhood experience of watching his father's porn tapes. An audaciously satirical and sexually explicit novel, with essayistic digressions and a few illustrations.

Novelis : Ridhwan Saidi

Ridhwan Saidi dibesarkan di sekitar Lembah Klang memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Senibina) daripada UiTM. Beliau pernah bekerja bersama arkitek vernakular tersohor tanah air untuk menyedari bahawa perkembangan fikirasa senibina di negara ini juling. Beliau kemudian beralih menulis esei mengenai senibina dan sinema dan mula menghasilkan filem pendek secara amatur. Filem-filem pendek beliau pernah ditayangkan di Malaysian Shorts, Filmmaker Anonymous, Maskara Shorties dan beliau baru-baru ini mewakili Malaysia di Filmopalooza 2011, Miami International Film Festival. Dunia penulisannya masih lagi berada pada tahap pra-matang melalui esei-eseinya yang terselit di dalam antologi *Orang Macam Kita, New Malaysian Essays 2*, dan terutamanya di blog (binfilem.blogspot.com) dan *samizdat* terbitan beliau dan rakan-rakan. Ridhwan Saidi gemar berfoya-foya dengan idea.

Cetakan Pertama : Mei 2011

Cetakan Kedua : November 2011

Cetakan Ketiga : Mei 2012

CEKIK Details

Date : Published May 2011 by Buku Fixi (002016254-V) (first published April 14th 2011)

ISBN : 9789671038420

Author : Ridhwan Saidi

Format : Paperback 258 pages

Genre : Fiction

 [Download CEKIK ...pdf](#)

 [Read Online CEKIK ...pdf](#)

Download and Read Free Online CEKIK Ridhwan Saidi

From Reader Review CEKIK for online ebook

Aini Akmalia says

Buku ini sebenarnya layak untuk saya hadiahkan 5-bintang, sepatutnya. Serius, Cekik ialah sebuah buku Melayu original yang unik di pasaran. Bukan selalu kita dapat jumpa buku sebegini.

Syed Warith dibesarkan oleh bapanya Tok Said, seorang imam di kampungnya. Dia kemudian melarikan diri dari kampung, kemudian ke bandar dan bertemu dengan Suria Menado (Ria), seorang pensyarah di sebuah universiti swasta tempatan. Kemudian satu-persatu kisah dibongkar melalui kemunculan watak Zaid, Anton (Detektif Anthony), Sara & Mira.

Cekik sangat wow! Serius. Setiap kali satu-persatu kebenaran terbongkar, setiap kali itulah rasa tercekik. Ugh! Membacanya bagaikan menonton pita rakaman. Namun Cekik tidak saya syorkan kepada para belia di bawah umur 18 tahun. Hal ini demikian kerana tidak lain tidak bukan demi menjaga kesejahteraan akal fikiran mereka.

Satu pujian patut diberikan kepada penulis atas penulisan yang saya rasakan sangat genius. Ianya adunan yang menjadi dan penulis berjaya mencapainya. Jika anda seorang yang suka *skip pages* ketika membaca novel, dukacitanya dimaklumkan bahawa buku ini adalah tidak praktikal untuk berbuat demikian. Sekian.

Khairul Kamarul says

Buku pertama Ridhwan Saidi sebelum Stereo Genmai. Jujurnya, saya tidak expect buku sebegini datang dari Fixi. (setelah membaca Zombiejaya dan Pecah, pada awalan cubaan untuk membaca). This book got me thinking 'This is a good stuff' untuk sebuah buku bahasa Melayu (bahasa Malaysia?). Setelah membacanya pada round pertama, saya bertanyakan Ridhwan di sebalik lagu Yuna yang terdapat di dalam buku itu. Bacaan round kedua sambil mendengar lagu tersebut mendapati vibe di dalam apartment itu sedikit melankoli urban. Seorang budak lelaki yang di'simpan' di dalam sebuah apartment yang mempunyai seorang teman wanita yang jauh beza umurnya. Melankoli kerana di'simpan', urban pada langkauan usia teman wanitanya. Symbolism juga jelas terpancar dengan elemen-elemen harian dan senibina yang, jika dibaca dan diamati, membuatkan kita berhenti membaca buat seketika sambil membayangkan deskripsi yang ditonjolkan. Kekuatan buku ini terletak pada plot twistnya. Surat-surat cinta yang ditulis di dalamnya seakan kena dengan surrounding penulis surat itu sendiri. Mengingatkan kepada surat-surat di zaman persekolahan. Buku ini seakan langkah kanan saya untuk mula membaca dengan serius. Recommended untuk pembaca yang mahu mula membaca buku-buku Ridhwan yang masih 'ringan' dan sopan pada minda.

Street Inker says

Ini karya Ridhwan Saidi yang pertama aku baca. Aku mengharapkan sesuatu yang luar biasa untuk buku ini. Terus terang aku katakan, minda aku menjadi agak tercekik dengan cara penyusunan dan jalan cerita novel ini. Terlalu banyak babak erotik dalam penceritaannya. Lebih kepada erotik fetish. Penulis berani bermain dengan imaginasi. Tertarik dengan cara penulis merungkaikan maksud porno dari sisi falsafah. Aku akui sememangnya Cekik ada unsur porno seperti yang dikupas penulis. Untuk sebuah novel Melayu, ini kali

pertama aku bertemu elemen delusi fantasi fetish. Sesuatu yang baru dan segar. Meneliti watak Warith yang penuh dengan delusi mengingat pada watak Edward Norton di dalam filem Fight Club. Pada aku Cekik punya keunikannya tersendiri. Dalam penulis bercerita hingga membangkitkan nafsu, tapi pada satu tahap stim itu hilang tiba-tiba kerana kegelian fetishnya. Menghilangkan pedas dengan memancutkan air mani ke dalam mulut. Siapa pun tidak akan terfikirkannya. Cekik pada aku adalah cerita tentang bubbrahnya manusia dari segi moralnya. Cerita tentang seorang lelaki yang tahu apa yang dia mahukan atau sebenarnya keliru dalam membuat pilihan. Apa yang terjadi pada Warith adalah pengajaran hidup tentang trauma seorang manusia. Cerita tentang sisi gelap seorang imam, socialit dan cerita tentang songsangnya manusia bila delusi dan fantasi menguasai diri. Tapi harus diingat bahawa Cekik adalah sebuah fiksyen yang memerlukan anda membuka minda seluasnya bila membacanya. Sesuatu yang aku pelajari dari Cekik adalah tentang Mono-Budaya Konsumer Global yang mana penulis secara sinis memperincikan tentang maksud terma tersebut. Teringat aku tentang kata-kata seorang brader di Pekan Frinjan: "Kalau belum grad, baca Cekik dulu, nanti bila dah grad dan dah kerja baca Amerika pulak". Tersenyum gadis manis itu mendengar saranan brader berambut panjang berkacamata itu.

Bil Halim says

Susah benar aku nak nampak hala tuju buku ni. Apa penulis nak emphasize? sekejap ke sana sekejap ke sini. POV pun bertukar tiba-tiba tak semena-mena. Fokus adegan lucu lebih-lebih. Aku bukan jenis skeptikal dan tidak memilih sebenarnya baca buku tapi jujur, sepanjang baca buku ni aku fikir nak habis je. Mual dan memang rasa mencekik2.

Asmar Shah says

3.0 bintang bulat untuk keseluruhan naskah ini.

Disebabkan buku ini dulu selalu menjadi bualan pembaca buku tegar atau mungkin peminat buku Fixi atau juga ulat buku dan sewaktu dengannya sehingga ada yang sudah banned dan sorok jauh-jauh dari budak bawah umur 18 tahun, saya semakin berminat untuk mendapatkan naskah ini. Ingin juga saya mengetahui apa yang telah disajikan oleh encik penulis sehingga menjadi terlalu kontroversi sampaikan tidak dapat menembusi toko-toko buku (kecuali yang telah dikombakan dengan Amerika). Dah macam Warith (watak utama) pula terlalu curious hendak tahu segala-galanya. Heee...

Okey sebenarnya buku ini apa yang saya dapat sewaktu membacanya bukanlah hanya sekadar buku yang menyajikan cerita yang terlalu berunsur kedewasaan sehingga mampu mencekik seperti tajuknya tapi ada yang ingin disampaikan oleh encik penulis sebenarnya. Ada yang ingin disindirkan oleh encik penulis mengenai keadaan sekeliling sekarang. Jesteru encik penulis cuba mengajak pembaca menyelam bersama di dalam analogi-analogi dan idea yang mungkin telah lama disimpan di dalam benak mindanya. Boleh saya katakan buku ini sebenarnya adalah novel satira (sindiran kepada agama, sosial dan budaya melayu sekarang). Bukannya kisah pembunuhan dan misteri seperti yang selalu kita temui. Pembunuhan yang terjadi pun hanya dikisahkan di belakang naskah ini. Penyelesaiannya pun tidak diberikan. Apa yang diberikan, watak utama; Warith mengatakan kepada detektif cina tersebut bahawa misteri bagaimana dia datang ke kampung itu dari bandar sedangkan dia tidak pandai memandu kereta dan jika berjalan kaki pada tengah malam sudah pasti Suria mengetahui akan apa yang dirancangnya tidak akan dia beritahu. Biarlah kata Warith ianya menjadi sebagai satu rahsia dan misteri untuk selama-lamanya! Macam saya nak maki je

Warith ni! Hahaha...

Cuma segalanya apa yang ingin disampaikan oleh penulis tertutup dengan aksi-aksi panas yang ada di dalam naskah ini (liwat, zina, sumbang mahram dan sewaktu dengannya..) sehingga mata dan minda pembaca tertutup tanpa berfikir apa yang ingin disampaikan. Ya saya pun merasakan sewaktu memegang naskah ini seperti sedang memegang buku porno! Hakaka... beberapa kali saya lepaskan buku ini kerana tidak mampu menghadam aksi yang begitu panas yang ditulis encik penulis. Saya tergelak-gelak sendiri (Tak sangka saya jumpa novel melayu yang agak berbeza dari novel yang pernah saya baca sebelum ini!).

Mungkin apa yang disajikan di dalam Cekik ini selalu kita temui di dalam buku-buku inggeris (dengan unsur kedewasaan, cinta dan misteri atau pembunuhan digaul sekali). Tapi bila ia menjadi sebuah naskah dalam bahasa melayu, ia agak janggal. Mungkin sifat ketimuran yang masih ada di dalam diri setiap pembaca membuatkan naskah ini dianggap teruk. Lagipun naskah ini sudah pasti menjadi sebuah buku yang bakal dijadikan kertas recycle kepada orang-orang yang tinggi agama mereka. Tapi ianya akan menjadi simpanan peribadi saya.

Agak banyak juga input yang saya dapat di dalam naskah ini hasil dari bebelan encik penulis seperti 'heterotopia', mengenai interlok dan banyak lagi. Tidak terasa kosong sebegitu sahaja.

Selepas pertengahan buku, sedikit demi sedikit persoalan mengenai apa kaitan mereka semua antara Bapa, Suria dan Warith akan terjawab. Cuma susunan cerita kadang akan mengelirukan. Ia mungkin banyak imbas kembali, imbas muka dan sewaktu dengannya yang berkait dengan imbas-imbas ni. Heee...Owh ya, surat cinta yang ditulis oleh Zaid memang agak kelakar.

Satu yang saya masih tertanya-tanya, kenapa pulak bapak Warith hendak liwat Warith masa Warith kepedasan makan cili? Agak pelik. Seperti salah seorang pembaca di Goodreads ada mengatakan...

"Bagi aku jalan cerita buku ini sedikit pelik contohnya salah satu babak ketika Warith seorang yang fetis terhadap leher cuba mendapatkan sejadah dari bonet kereta. Babak ini agak magis pada fikiran aku."

Setelah checked kat kamus dewan bahasa, betul bonet adalah tempat untuk menutup enjin. Okey itu abaikan... tidak penting! Heee...

Tapi apa yang ingin saya perkatkan buku ini agak unik! Nak tahu apa jalan cerita buku ini? Bacalah, kemudian rasainya sendiri. kalau saya membebel panjang pun kalian tidak akan dapat rasa apa yang saya rasa.

Cuma pesan saya, elakkan budak umur bawah 18 tahun baca naskah ini. Nanti mereka akan gelak-gelak sendiri. Gelak jahat...Heeee...

Peace!

Syailan Syafiq says

Cekik hasil nukilan Ridhwan Saidi bukanlah novel fiksyen yang boleh dijadikan bahan bacaan ringan. Pertama kali aku disajikan dengan hasil tulisan Ridhwan Saidi adalah dalam antologi Orang Macam Kita. Di

situ, beliau tampil dengan cerpen Sulalatus Anilingus, sebuah karya yang aku sendiri tidak faham pada bacaan pertama. Begitu juga dengan Cekik. Pembaca akan acapkali berhenti membaca hanya untuk menarik nafas menghembuskan kekeliruan sebelum meneruskan pembacaan. Serius!

Penulis bijak memanipulasi perspektif pembaca, digaul sehati dengan penggunaan perkataan dan konstruksi ayat yang tampak mudah tetapi sebenarnya sarat dengan analogi yang berbelit. Gaya bahasanya mudah, dengan naratif penceritaan yang terus-terang tanpa berselindung. Namun begitu Cekik bukanlah bacaan ringan dari kulit ke kulit. Acapkali pembaca akan terpanggil untuk ulangrujuk bab-bab terdahulu hanya untuk memahi bab yang sedang dibacanya dan dengan harapan bakal memahami bab-bab mendatang.

Kita diperkenalkan dengan Warith, seorang anak muda yang lari daripada Kampung untuk ke Bandar. Dia seorang lelaki naïf yang punya sifat kurius yang amat tinggi. Dia ditemukan dengan Suria, seorang wanita awal tiga puluhan yang kesunyian. Mereka bertemu, rapat dan akhirnya menjadi pacar. Namun perjalanan hidup mereka terhijau apabila Warith mendapat berita bahawa bapanya di Kampung telah mati dibunuh. Perlahan-lahan plot Cekik terungkap dengan setiap satu imbas muka yang berlaku. Suria dan Warith punya lipatan sejarah tersendiri yang berselirat sehingga ada ketika pembaca mungkin akan terkeliru atau mungkin juga akan tersenyum kerana terdapat foreshadowing yang berjaya dikesan. Pemerhatian yang Warith lakukan melalui kaca matanya seakan menurut perspektif seorang anak kecil yang terperangkap dalam tubuh seorang remaja.

Terdapat juga dikotomi pemberian maksud kepada subjek-subjek khusus (seksualiti dan keagamaan contohnya) apabila wujudnya unsur simbolisma yang kuat. Penulis menggunakan petunjuk-petunjuk yang tampak am seperti restoran makanan segera McDonald's dan juga mee segera dan juga rekabentuk sebuah masjid dan menjukstaposisikannya dengan hal-hal yang lebih khusus seperti seksualiti dan keagamaan. Seterusnya jika diteliti, novel ini juga menyentuh tentang integriti kaum Melayu khususnya dan letaknya kaum itu di bumi Malaysia, dengan berpusatkan pada elemen-elemen seperti budaya, agama dan kedudukan sosial kaum itu sendiri. Penegasannya kabur dan mungkin tidak dapat difahami oleh semua orang namun itu yang aku faham dan cerna lewat pembacaan novel ini.

Ada yang berpendapat bahawa novel ini agak 'grafik' dan berbaur pornografik kerana ia sarat dengan sexual innuendos yang pada pendapat aku memang disengajakan oleh penulis kerana sudah pastinya beliau punya sebab tersendiri untuk menulis sebegitu rupa. Aku sebenarnya tidak kisah dengan konten sebegini. Dalam Bab 10, halaman 218 penulis ada menyebut bahawa:

"[J]ika kamu merasakan sesebuah penulisan novel itu membuang masa lebih daripada apa yang kamu suka, ianya adalah porno."

Tiada sebarang kejutan baru dalam novel Cekik. Pembaca sudah mungkin berjaya mengekspaktasi penyudahnya setelah sepertiga membaca novel ini. Namun apa yang membuat ia merupakan suatu bacaan yang mengasyikkan adalah kita akan turut dibawa untuk mendalami kompleksiti dua watak ini dan apakah perkaitan kedua-duanya dengan pembunuhan bapa si Warith. Penulis berjaya mengawal ritma plot dengan memastikan ia mempunyai momentum yang baik: tidak terlalu meleret dan tidak pula terlalu pantas. Walaubagaimana pun, aku bersetuju dengan saudara Fadz, pengakhiran novel ini terasa seperti terburu-buru hendak cepat habis dan seperti main-main.

ScotchCheez says

Perasaan loya, mual dan menyampah menemani saya sepanjang pembacaan buku Cekik ni. Macam saya pulak yang kena cekik. Apa motif penulis menceritakan dengan lebih terperinci mendalah tu? Motif??? Saya rasa macam baca buku porn je (pening pala saya. Terus stress. Explain dengan lebih terperinci tuh! Saya dahlah anti LGBT). Lepas tu tetibanye je melompat ke watak Sue tu. Saya terus terpinga-pinga. Dalam hati cakap, apa ni? Memanglah! Saya bagi 0.5 bintang je (no fireworks no orchestra). Tu pun saya bagi bintang sebab misteri kematian bapak dia yang cepat sangat solvenya. Terus mengaku pulak tu! Sonang je! Yang lain tu, hurmmmm... I don't know. If I say sampah, agak-agak ayat tu kejam tak? Tapi sejujurnya, saya macam membaca karya yang tak layak langsung untuk dipasarkan dan dibeli (siapa nak hentam saya disebabkan komen ini, silakan! Saya beli buku ni dengan duit saya sendiri dengan harga asal RM18.00. Bukan beli second hand, bukan jugak beli dengan daun atau pembalut gula-gula atau duit Saidina. Jadi saya ada hak untuk mengkritik). Saya rasa ini the worst Fixi (so far) yang saya baca. Okay, sekian terima kasih! Kang ntah apa lagi saya bebelkan karang. But, i still fixi lover. And i want to read karya dia yang bertajuk Amerika.

Syahira Sharif says

The anticipation after reading this.... feel like this

Yes...

One of the reasons why I don't read malay novels is that their synopsis always give away their plot. Let me show you how.

It started with someone monologuing with mi maggi and goes like this "Tahun 2020, di Bandar, Warith, pemuda berusia 16 tahun, menerima berita pembunuhan bapanya di Kampung melalui telefon. Warith kini bersekedudukan dengan teman wanitanya Suria yang berusia 32 tahun. Dari jendela apartment mereka, Menara Warisan Merdeka kelihatan agam." This is like a proper plot for Kougat which I rated badly because of the darn fillers in them.

Then he "Imbas kembali Warith sewaktu kecil menonton video porno milik bapanya" and I supply to it "with his father" and then the story of him eating bird's eye chili paste and then a 'golden' shower scene but later in quarter finale we revisited the scene again which I say, things can be predictable. "Warith pulang ke Kampung dengan Suria. Di kawasan perkuburan, mereka didatangi Detektif Anthony, yang pernah mengenali Suria sewaktu sama-sama gila-gila remaja. Mereka kemudian ke tempat pembunuhan, di mana beberapa rahsia lain akan terbongkar." Which was technically... the story of the book which people didn't tell me. Sigh...

I don't really know what to say about this novel. Honestly there's nothing new about it, the shock factor wasn't really that shocking unless you live in a box. How do you think I first know about Anne Rice? Pfft... Yeah, the first two chapter were pure erotica which was a whole lot of page wasting if you think about the length of the book (258 pages). Have you read something by Marquis de Sade? That's far more weirder than this. Atleast that doesn't have periodic monologues in it.

Initially I would give it a three but then I thought about it... just two.

I like the writing style, usually means I like the author.

But as for content, 70% was just descriptive pornography 20% drama 10% philosophical talk. I like the 10%. I would like it much better if I could rearrange some plots in the end with the beginning and made it more like a proper mystery instead of just a plain pornographic read. This is not smut, this is just plain porn.

If you are wondering why I said that since I usually read half-clad novels I tell you this as it is. Normal romance have minimal smut and too much drama. Paranormal smut have smut with fangs, claws, blood drinking, neck snapping and bashing walking dead with an axe to their brain (which are most of my reads). And all of them surprisingly written by women who can be enjoyed by women and surprisingly was read by men. In fact all my feedback from literotica was by men.

And the problem with men writing erotica was that they always came out as porn. Which are boring by definition since somehow they usually like to describe their paragraph along like they're narrating scenes from porn movies of their choice..... which I can actually extract from this novel.

I guess this soulless style will appeal to boys/men readers but definitely not female readers.

Someone should stamp this with that 'Mature audience' stamp that graphic novels have. I'm predicting someone from censorship board will caught wind of this.

Kamalia Ramlan says

Saya memang teringin hendak membeli Cekik sebab saya adalah pembaca tulisan Ridhwan Saidi di Binfilm. Setelah membaca Cekik, saya berasa sedikit kecewa kerana novel ini tidak seratus-peratus yang seperti diharapkan. Tetapi, saya tidaklah berasa rugi membelinya. 3 bab awal agak meleret-leret dan kadang-kadang novel ini seperti memberi syarahan kepada saya. Tetapi apa yang menariknya adalah susunan babak dalam setiap ceritanya membuatkan kita menggaru kepala kerana kepeliknan dan pada yang sama tidak sabar-sabar menunggu babak yang seterusnya. Saya juga tertarik dengan konsep heterotopia yang dikaitkan dengan kawasan perkuburan, kisah tentang mihrab yang diceritakan dari sudut falsafah, Bahasa Melayu yang dianggap pariah dan juga filem porno mengikut kefahaman Umberto Eco. Ya, kesemua ini membuka minda saya sambil tergelak sendirian. Cuma kepala saya sedikit pening kerana kisah seks sangat berleluasa di dalam novel ini. Walau bagaimanapun novel ini sekurang-kurangnya bercerita tentang perkara yang selama ini wujud dalam persekitaran kita tetapi kita tidak sedar atau buat-buat tidak sedar.

p/s: "Mummy, he speaks bahasa. He's a loser." (Cekik, m/s 84)

Faizah Roslaini says

Betul suka sebab bukan hari-hari ada buku seperti ini. Tapi untuk mengaku suka akan membuatkan saya rasa tidak selesa, sebab adegan erotiknya yang banyak (memandangkan ketidaktebalannya), kononnya saya malu mahu mengaku, takut dikata orang. Peliknya saya tidak pula rasa muak disuakan dengan erotisme berkali-kali (mungkin saya sihat, alhamdulillah) tapi kalau hendak bagi anak-anak saudara saya yang masih sekolah menengah baca, barangkali saya tak akan bagi. (I am compelled to protect their innocence.. chewah).

Selain dari sulaman erotik tersebut, ada juga macam-macam dalam cerita ini yang membuatkan saya menghabiskannya dalam masa satu hari (Kasih anak-anak saya terabai). Ada komentari fasal elitis

mundur, konsumer tegar global apakejadah, ada fasal kubur, muzium dan mihrab (architecture kot). Membacanya juga mengingatkan saya kepada Nawal El Saadawi Jatuhnya Sang Imam kerana ada teknik penceritaan yang ada serupa. Nawal dengan selamba bertukar dari anak kepada ibu kepada anjing kepada sang imam misalnya, Cekik pula bertukar dari Warith kepada Sue kepada mee Maggie! Tapi Cekik pada saya lebih jelas.

Semestinya ada yang tidak selesa dengan liwat, dengan John Holmes. Ada juga macam Basic Instinct (nombor 2 kot) tapi endingnya diluluskan oleh FINAS dan ianya dalam Bahasa Melayu.

Ah ya. Saya selesa dengan langgam bahasanya.

Recommended kalau anda bukan yang cepat buat penilaian. Pada saya ia bukan porno. Ia lebih daripada itu. (matila cliché)

Tapi kalau anda tak boleh handle adegan erotik baik jangan. Tapi jangan double standard pula ya. Sesetengah tu, kalau buku Bahasa Inggeris sebegini boleh pula selamba terus membaca.

Hairie R says

Selesai ulangbaca kali ketiga. Kali ini aku baca versi original ini, sebelum-sebelum ini aku baca versi Kombo. Isinya sama saja tiada beza. Cekik isinya amat nakal dan erotik. Pertama kali baca dulu, aku agak mindfucked dengan beberapa babak dan pendedahan akhir dalam cerita ini. Bila, ulang kali kedua dan seterusnya, aku lebih terhibur dan boleh tergelak bila baca.

Nadhirah Hamzah says

Cekik novel yang sangat bold and rare. Tak ramai penulis Melayu yang berani menulis sebegini. Majority, everyone yg dah read buku ni confirm cakap buku ni like 'say whaaaaaaaaaaaaat?' Unsur LBGT merata dalam buku ni. Tak lupa ada jugak unsur sumbang mahram. Secara harfiahnya, si Warith ni liwat dengan bapak dia and bersetubuh with her own mum. Disgusting gila kan? And, sangat jarang didengar kes ni. Liwat bapak, seks dengan mak. Warith jugak based on review ridhwan saidi dalam novel mautopia mengatakan dia penghidap autism. So tak hairanlah monolognya begitu telus & naif. Hormon berahi yg memuncak pada usia belasan tahun tu normal, so tak wurd sangat bila si warith ni sentiasa ber'orgasma' tak kira masa. Frankly speaking, somehow this novel attracts me more. I like it though, coz as we know it, sangat rare. First favorite novel fixi aku :) <3

Nur Fatin Atiqah says

Saya mengambil masa yang lama untuk menghabiskan pembacaan buku ini. Lama bukan sahaja kerana tidak faham, tetapi juga tidak mampu mencerna apa sebenarnya yang bermain di fikiran penulis sewaktu dia menulis buku ini. Apakah matlamatnya? Apakah tujuannya? Apakah yang berputar di layar mindanya tika

itu?

Saya dah pernah baca Amerika, juga Mautopia.

Buku ini tidak se-OKAY Amerika, tetapi tidak juga seteruk Mautopia.

Lama-kelamaan saya baca buku-buku penulis ini, saya berasakan dia sedang memberontak luar dan dalam. Ada sahaja yang tidak kena dari sudut pandangannya.

Saya hormati penulis kerana berani melontarkan idea sejauh itu. Berani menulis karya sebegini. Kisah sumbang mahram, antara ibu dan anak. Siapa yang berani, kan?

Tapi saya kurang hormat tatkala penulis yang sudah menulis ayat-ayat penuh erotis di muka surat sebelum-sebelumnya tiba-tiba meletakkan khutbah Jumaat yang ada nama Tuhan. Bagi saya, ini tidak menghormati Tuhan mahupun agama. Tak tahu apa sebenarnya kehendak penulis dengan meletakkan skrip khutbah Jumaat secara tiba-tiba. Adakah mahu berdakwah, mahu menyampaikan bahawasanya sumbang mahram itu berlaku kerana terjadinya kepincangan di dalam pergaulan sosial sesama manusia? Bagi saya ini tidak kena. Ibaratnya kita telah siap berzina dengan kekasih tiba-tiba lepas habis senggama terus cakap ayat Quran dan dalil mengatakan zina itu tak boleh. Haram. What's the point? Hujah tidak cukup kuat. Takde orang yang akan terkesan dengan dakwah sebegini.

Lainlah kalau penulis mahu mengejek khutbah Jumaat atau agama. Wallahualam. Saya tidak mahu berfikiran lebih-lebih jauh begini.

Yang pastinya, penulis menarik minat saya kerana idea dan buah fikirannya terhadap isu-isu dunia. Tetapi dia menolak saya kerana tindak-tanduknya yang kurang adab dan sopan terhadap agama. Dia ibarat memperlekehkan agama. Itu saya tidak berkenan.

Akhirnya Cekik cumalah mampu mencekik minda orang-orang yang sudah mula lupakan agama, kerana mereka sukakanya.

Lyla Ibrahim says

I like the story. I like the hidden messages he put inside the story. Despite the massive amounts of pornographic contents he put inside this one, if you put all of it aside, you can see what he's really trying to convey in this novel. I like the mystery he put in the story. You have to read this openly in order to see all this. Although, I tried to read this with open mind, those 'contents' did manage to put disturbance in my mind once in a while...huhu

Fadzli Jamaludin says

Ini novel ketiga Fixi aku baca...kenapa??? Sbb rmai pembaca dalam BTL kata “worst” & kenapa POPULAR mengHARAMkan novel ini...segalanya telah terjawab bila aku sudah selesai membacanya....komen aku...mmg patut di haramkan..TIDAK SESUAI untuk budak2 sekolah..samada sekolah rendah @ menengah...

Novel ini sarat dgn elemen2 liwat, zina, sumbang mahram, fetish terhadap sex...ia mengisahkan Warith yg di besarkan oleh bapanya, telah melarikan diri ke Bandar & terjumpa dgn Suria...kenapa Warith melarikan diri?? & Siapa Bapa & Suria akan terjawab bila membaca hingga ke penghabisan cerita...

Ada juga unsur humor di letakkan dlm nie agar pembaca x terasa bosan...wlaubagaimanapun penamat ceritanya agak menghampakan...pembunuhan yg berlaku seperti tiada penyelesaian...tapi aku sedikit tertarik dgn penjelasan penulis mengenai “Heterotopia”..baru ku tahu kenapa kubur berada berdekatan dgn masjid...tapi penulis membebel panjang pasal “Interlok” & “Pariah” sehingga 4 muka surat...sedikit bosan bg aku...begitu juga dgn surat yg di hantar oleh Zaid...sampai 10 surat...erkss...suratnya seperti kebudak2kn walaupun sudah berumur 44 tahun...mungkin penerimanya pun budak juga kot... risau aku dgn budak2 yg belajar Biologi dlm subtopik “Sistem Pembiakan Manusia” bila baca novel ini...

Apa2pun yg baik jadikan teladan...yg buruk jadikan sempadan...hanya 2/5 bintang shj...
